

**Tak Wajar SPRM Simpan Rekod Harta Menteri/Timbangan Menteri - Liew  
Bernama  
29 Januari, 2012**

KOTA KINABALU, 29 Jan (Bernama) -- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk V.K.Liew berkata tidak wajar bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyimpan rekod harta menteri dan timbalan menteri.

Beliau berkata peranan utama SPRM ialah menerima dan menyiasat aduan mengenai rasuah.

"Bukan bagi ketua SPRM menyimpan rekod menteri dan timbalan menteri.

"Bagi saya kami telahpun diminta dari awal lagi (semasa dilantik menteri dan timbalan menteri) mengemukakan rekod aset kami (sebagaimana telah dilakukan)," katanya pada sidang akhbar di sini.

Liew, yang juga presiden Parti Demokratik Liberal (LDP), diminta mengulas kenyataan pengerusi panel penasihat SPRM Puan Sri Zaitun Zawiyah Puteh baru-baru ini bahawa "SPRM akan mendapatkan salinan perisytiharan harta menteri-menteri kabinet dan pasangan mereka serta anggota lain keluarga yang dikemukakan kepada Perdana Menteri".

Mengenai gesaan Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng supaya menteri-menteri persekutuan mengisytiharkan aset masing-masing, Liew, seorang peguam terlatih, berkata beliau tidak melihat negeri-negeri Pakatan Rakyat Selangor dan Kedah melaksanakan gesaan itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642777>